

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 JUN 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 25

## Ekonomi ASEAN diunjur atas pertumbuhan global

### Ekonomi ASEAN diunjur atas pertumbuhan global

Ekonomi ASEAN terdiri dari enam negara iaitu Malaysia, Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina dan Vietnam, dijangka berkembang pada kadar 4.2 peratus pada 2023, mengatasi unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) global sebanyak 2 peratus.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Maybank, Datuk Khairussaleh Ramli, berkata pertumbuhan itu yang diunjurkan pasukan penyelidiknya, menunjukkan kekuatan rantau itu pada kepelbagaianya.

Beliau berkata, dengan gabungan populasi melebih 660 juta dan KDNK terkumpul hampir AS\$3.66 trillion (RM16.98 trillion) pada 2022, ASEAN adalah sebagai ekonomi serantau ketiga terbesar di Asia dan ekonomi kelima terbesar di dunia, selepas Amerika Syarikat (AS), China, Jepun dan Jerman.

"Daya tahan ASEAN terbuktikan dalam aliran dana portfolio. Walaupun pelabur asing menarik diri daripada ekuiti tahun lalu, terdapat pangkalan pelabur domestik yang cukup besar di rantau ini untuk menyerap ketidakstabilan itu."

"Berserta campur tangan bank pusat untuk memastikan mata wang stabil, kebanyakan pasaran ASEAN mendapati diri mereka cukup terlindung dengan baik," katanya bercakap pada Maybank Invest ASEAN 2023 yang diadakan di Singapura, semalam.

Khairussaleh berkata, satulagi bidang yang optimis bagi ekonomi rantau ini ialah pendigitalan, khususnya dalam sektor perkhidmatan kewangan.

Beliau berkata, ekonomi digital pada masa ini hanya menyumbang 7 peratus daripada KDNK ASEAN berbanding 35 peratus di AS dan 16 peratus di China.

Justeru, katanya rantau ini masih mempunyai banyak ruang untuk berkembang.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Investment Banking Group (MIBG), Michael Oh-Lau, berkata prospek aktiviti merah dana menerusi tawaran awam permulaan (IPO) di rantau ASEAN dijangka menarik pada separuh kedua tahun ini.

Beliau berkata, penilaian kini mencecah paras menarik bagi pelabur penaja untuk bertindak dan pihaknya mula melihat aktiviti IPO di Indonesia, terutama berkaitan rantai bekalan kenderaan elektrik (EV).

Katanya, MIBG juga melihat peningkatan semula terhadap sektor berkaitan pengguna yang mana pada tahun lalu, di Malaysia menyaksikan IPO besar membabitkan pengeluar produk tenusu.